



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 3, Issue 3, June 2018

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msosocialsciences.com

Dialog antara Etnik Sebagai Platform Meningkatkan Hubungan Sosial dalam kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Satu Tinjauan Awal

Suzy Aziziyana Saili¹, Rosila Bee Mohd Hussain², Khairulnizam Mat Karim¹

¹Kolej Pengurusan Bisnes dan Perakaunan, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

²Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM)

Correspondence: Suzy Aziziyana Saili (suzy@uniten.edu.my)

Abstrak

Isu polarisasi pelajar di institusi pengajian tinggi awam telah lama diperkatakan. Walaupun polisi-polisi pendidikan kebangsaan telah berusaha untuk menyemai semangat perpaduan yang telah dimulakan sejak sekolah rendah lagi, malangnya perkara ini masih lagi berlaku. Didapati walaupun terdapat banyak peluang untuk berinteraksi di antara pelajar berlainan etnik di universiti, pelajar secara keseluruhannya masih mempunyai hubungan sosial yang sederhana. Kajian-kajian lepas mencadangkan agar faktor-faktor yang menyebabkan polarisasi ini dikaji dengan lebih mendalam serta diadakan satu platform yang membolehkan pelajar di universiti untuk berkerjasama dan mencari persefahaman. Objektif kertas kerja ini adalah untuk membuat tinjauan awal terhadap dialog antara etnik yang boleh menjadi platform meningkatkan hubungan sosial yang baik di antara pelajar berlainan etnik di universiti awam mahupun swasta. Dialog antara etnik dilihat perlu menitikberatkan dimensi hubungan sosial iaitu asimilasi, amalgamasi, akulturasi dan akomodasi bagi menjamin kejayaannya. Ini adalah perlu kerana hubungan sosial masyarakat Malaysia sendiri berlegar sekitar empat dimensi tersebut disebabkan oleh faktor sejarah dan politik tanah air.

Kata kunci: dialog antara etnik, hubungan sosial, institusi pengajian tinggi

Inter-Ethnic Dialogue as Platform in Enhancing Social Relation Among Students of Higher Learning Institutions: A Preliminary Survey

Abstract

Racial polarisation issues in public higher learning institutions has long been debated and continues to exist even with the many effort for unity seen through nation's education policies. Despite the existence of opportunities for students to interact with the other ethnic throughout their studies, their social relation was relatively moderate. Past findings suggested further studies be made to the factors contributing to racial polarisation and that there should be a platform which encouraged students to cooperate and enabled them to reached a common ground. The objective of this paper is to do a preliminary survey on inter-ethnic dialogue which could become a platform in enhancing good social relation between students of different ethnics in public and private universities. A successful inter-ethnic dialogue must include the four dimension of social relation: assimilation, amalgamation, acculturation and accommodation, with which the social relation in Malaysia revolves, contributed primarily by its historical and political factors.

Keywords: inter-ethnic dialogue, social relation, higher learning institutions

Pengenalan

Pendidikan merupakan satu medium yang berkesan untuk menyatukan masyarakat pelbagai etnik. Selepas sahaja Tanah Melayu meraih kemerdekaan, kerajaan mengambil langkah untuk mengasimilasikan dua etnik yang lain iaitu Cina dan India ke dalam masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, polisi ini gagal untuk mencipta perpaduan dalam kalangan tiga etnik yang utama iaitu Melayu, Cina dan India sehingga dikatakan menjadi salah satu penyebab berlakunya peristiwa rusuhan 13 Mei 1969. Kesan yang nyata yang dapat dilihat selepas peristiwa itu ialah agenda perpaduan yang sentiasa dititikberatkan di dalam semua polisi kerajaan, terutama sekali dalam aspek pendidikan. Ianya dimulakan sejak sekolah rendah lagi, dan diteruskan sehingga sekolah menengah serta pada peringkat pengajian tinggi, baik di universiti awam mahupun swasta. Sebagai contoh, kerajaan menyatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru yang diperkenalkan pada tahun 1971 hanya boleh mencapai tujuannya melalui pendidikan (Abdul Rahman, 2009). Pendidikan dilihat memainkan peranan yang penting dalam mencapai objektif Dasar Ekonomi Baru dan Rukun Negara. Objektif Rukun Negara antara lainnya ialah untuk (a) mencapai perpaduan yang erat dalam kalangan masyarakat, (b) memelihara cara hidup yang demokratik, dan (c) membentuk masyarakat yang bersifat liberal, terutama terhadap kebudayaan masing-masing. Didapati bahawa polarisasi etnik berlaku di institusi pengajian tinggi, sama ada awam mahupun swasta walaupun peluang untuk berkerjasama, saling kenal mengenal antara etnik-etnik yang berbeza telah disediakan. Golongan mahasiswa masih lagi dilihat selesa berinteraksi sesama etnik dan kurang menjalin perhubungan dengan etnik yang lain. Amin Iskandar (2008) di dalam rencananya yang bertajuk "Realiti Hubungan Kaum di IPTA" yang disiarkan oleh portal berita Malaysiakini mendapati bahawa, "di universiti, para mahasiswa bercampur sesama sendiri Melayu dengan Melayu, Cina dengan Cina dan India dengan India. Manakala mahasiswa dari Sabah dan Sarawak pula, sebagai minoriti, akan bergabung dengan mana-mana kaum seperti Melayu, Cina atau India". Beliau juga melihat bahawa pentadbir universiti pada akhir tahun 1990an turut mengasingkan pelajar berlainan etnik, "di kolej kediaman, telah diatur mahasiswa Melayu tinggal sebilik bersama mahasiswa Melayu, Cina dengan Cina dan India dengan India. Manakala mereka dari Sabah atau Sarawak, jika Muslim, ditempatkan bersama mahasiswa Melayu. Jika bukan Muslim, mereka ditempatkan tinggal dengan mahasiswa Cina atau India" (Amin Iskandar: 2008).

Dalam konteks Malaysia, pendidikan dilihat sebagai suatu usaha yang berterusan dalam memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu, bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Masalah polarisasi mahasiswa di institut pengajian tinggi ini dilihat sebagai berlawanan dengan maksud dan tujuan pendidikan itu sendiri yang antara lainnya adalah untuk menyatukan pelajar yang berlainan latar belakang yang telahpun diterapkan sejak persekolahan rendah lagi. Pendidikan adalah satu disiplin yang berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran di sekolah atau persekitaran seumpamanya, yang berbeza dengan cara sosialisasi yang tidak formal dan tidak rasmi (Encyclopaedia Britannica, t.t). Pendidikan juga merupakan satu intrumen yang menyampaikan nilai-nilai dan pengetahuan masyarakat umum kepada pelajar, secara idealnya, menerapkan kepentingan perpaduan masyarakat pelbagai latar belakang. Dengan berdasarkan maksud, tujuan, dan pendidikan dalam konteks Malaysia, masalah etnik atau polarisasi tidak seharusnya berlaku pada mahasiswa universiti dan universiti itu sendiri memandangkan mahasiswa adalah golongan terpelajar, manakala universiti seharusnya melaksanakan agenda perpaduan yang diaspirasikan oleh Falsafah Pendidikan Negara. Tetapi, apa yang berlaku pada peringkat universiti adalah sebaliknya. Oleh yang demikian, pengkaji dapat merumuskan bahawa, satu kajian perlu dilaksanakan untuk melihat permasalahan yang melibatkan hubungan sosial mahasiswa universiti berlainan etnik serta peranan universiti itu sendiri di dalam menggalakkan interaksi rentas garisan etnik.

Perbahasan Konsep Dialog Antara Etnik

Perbahasan awal berkaitan pendefinisian dialog telah dihuraikan di dalam sumber-sumber akademik. Pendefinisian dilihat penting adalah untuk, “memaparkan dan melihat unsur-unsur yang wujud dalam definisi dialog dalam penggunaan istilah bahasa. Oleh itu, kesimpulan atau definisi tepat akan dapat dibuat dengan lebih jelas” (Khairulnizam & Suzy Aziziyana Sali, 2009; 4). Di antara kesimpulan (Khairulnizam & Suzy Aziziyana Sali, 2009) pendefinisian dialog yang didapati di dalam literatur berkaitan ialah (1) dialog adalah perbualan, perbincangan, persidangan antara dua pihak atau lebih (Kamus Dwibahasa, 1999). (2) Dialog berlangsung dalam keadaan terbuka, terkawal serta wujud rasa hormat. (3) Tujuan dialog adalah untuk mendengar, mempelajari, mengetahui, dan bertukar-tukar pandangan sama ada bermanfaat untuk semua yang terlibat atau pihak-pihak tertentu. (4) Dialog berlaku di dalam suasana yang formal dan terancang (Rappoport, Angelo S, 1989). (5) Semasa pelaksanaan dialog, wujud perbezaan pendapat, pandangan, dan idea terhadap perkara yang dibincangkan di antara pihak-pihak tertentu (Rappoport, Angelo S, 1989). Abdul Rahman (2009; 80) berpendapat bahawa “A dialogue must be constructed around the suppression of dissent and built around a living set of relations that must constantly be engaged and struggled with the love of one’s country”. Pendapat ini dilihat bertepatan dengan pendefinisian dialog yang telah dibincangkan.

Kamus Dewan Bahasa edisi keempat (2013; 402) mendefinisikan etnik sebagai “masyarakat majmuk yang mempunyai kelompok yang hidup berlainan tetapi di bawah sistem politik yang sama; ia juga tidak memaksa perubahan terhadap kepercayaan agama atau membuang unsur sesuatu kaum”. Wan Hashim Wan Teh (2001) mendefinisikan etnik sebagai sekumpulan manusia yang telah membentuk satu jati diri berasaskan beberapa persamaan seperti latar belakang sejarah, budaya, bahasa, adat resam dan biasanya berasal daripada wilayah geografi dan budaya yang sama.

Didapati bahawa konsep dialog antara etnik belum lagi wujud secara berstruktur atau mempunyai satu istilah khusus. Konsep ini hanya disentuh tanpa penjelasan yang menguatkan maksudnya. Sebagai contoh, Shamsul (2012; 21) menyatakan “Kewujudan kesepaduan sosial....dan ada yang disumbangkan secara *bottom up* iaitu hasil daripada interaksi (dialog) dan jalinan hubungan yang berlaku di peringkat masyarakat awam itu sendiri dalam kehidupan sehari-hari....” Beliau juga menggunakan istilah “takrifan harian”, “.....paradigma kesepaduan sosial lebih memberi tumpuan kepada takrifan terhadap interaksi seharian yang dibentuk oleh anggota masyarakat itu sendiri berbanding dengan takrifan yang diberikan oleh autoriti” (2012; 22). Berdasarkan dengan pendefinisian dialog yang telah dibincangkan, interaksi seharian seperti mana yang dianjurkan oleh Shamsul (2012) hampir menepati definisi dialog dan definisi etnik iaitu suatu perhubungan aktif yang melibatkan etnik-etnik yang berbeza yang mengkehendaki mereka untuk saling mendengar, memahami, bertukar-tukar pendapat di dalam memastikan keadaan kehidupan seharian yang harmoni, mengelakkan konflik atau mencari penyelesaian kepada konflik antara etnik.

Kajian Ramlee et.al (2009; 11) mencadangkan agar diwujudkan satu pendekatan inovatif yang akan menggalakkan interaksi rentas kumpulan, “.....intergroup dialogues can bring together diverse group of students with the purpose of discussing issues related to their diversity so that they can understand and appreciate each other better”. Namun demikian, kajian beliau tidak membincangkan sebarang pengistilahan konsep, prinsip, tujuan dan panduan dialog antara kumpulan seperti yang dicadangkan.

Kajian Polisi Pendidikan Institusi Pengajian Tinggi Berkaitan Etnik

Di dalam dasar pendidikan, falsafah pendidikan negara dinyatakan sebagai, “Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.” (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988).

Secara tersirat, falsafah pendidikan negara ini menyentuh aspek perpaduan apabila dinyatakan bahawa pendidikan yang mampu melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu akan menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran negara. Kunci kepada keharmonian dan kemakmuran negara hanya boleh dicapai sekiranya Malaysia mampu mengurus kepelbagaian etnik serta menangani konflik etnik dengan bijak yang bergantung kepada kematangan rakyatnya (Shamsul, 2012).

Aspek-aspek politik, ekonomi, ideologi dan budaya turut dicernakan di dalam pelbagai dasar pendidikan yang dirangka oleh kerajaan. Antara laporan pendidikan yang menekankan aspek perpaduan ialah Laporan Rahman Talib 1960 yang diperkenalkan sejurus Tanah Melayu meraih kemerdekaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan diperkenalkan pada tahun 1979 rentetan daripada peristiwa rusuhan 13 Mei 1969 (Ramlee et.al, 2009) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (KPT, 2015). Penambahbaikan terhadap Penyata Razak 1956 telah dilakukan dan dinamakan sebagai Laporan Rahman Talib yang antara lainnya mencadangkan agar Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar dan utama selain menjadi sebagai medium perpaduan, mewujudkan dua jenis sekolah rendah iaitu sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dan pemberian pendidikan percuma bagi sekolah rendah yang merupakan satu galakan kepada ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke sekolah (Abdul Rahman, 2009; 194-197). Laporan ini kemudiannya menjadi asas kepada Akta Pelajaran 1961 yang bertujuan untuk menyatukan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia (Abdul Rahman, 2009). Namun begitu, ianya dilihat sukar memandangkan masyarakat umumnya masih lagi terpisah disebabkan oleh pola tempat tinggal yang berlainan serta jenis pekerjaan.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi) (PPPM-PT) yang berhasrat untuk mentransformasikan pendidikan tinggi di Malaysia. Berkenaan dengan aspirasi sistem, ianya dirangka berlandaskan lima aspirasi iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Dalam menggalakkan perpaduan, PPPM-PT menyatakan, “Ketika ini, tidak ada satu kaedah khusus yang diterima dengan meluas untuk mengukur tahap perpaduan. Walaupun demikian, Kementerian komited untuk memastikan enrolmen di IPT menggambarkan perpaduan dalam kepelbagaian kaum di Malaysia. Tujuannya adalah untuk membentuk sistem pendidikan yang membolehkan pelajar memahami nilai bersama serta berkongsi pengalaman dan aspirasi” (KPT, 2015; 8). Selain itu, bagi aspirasi pelajar, PPPM-PT menjadikan Falsafah Pendidikan Negara sebagai asas kepada pendidikan seimbang serta menekankan keseimbangan antara ilmu dan akhlak. Enam atribut bagi pelajar pendidikan tinggi tersebut terdiri daripada etika dan kerohanian, kepemimpinan, jatidiri kebangsaan, penguasaan bahasa, kemahiran berfikir dan ilmu pengetahuan. (KPT, 2015).

Pengkaji melihat bahawa terdapat tiga atribut yang berkait rapat dengan galakan perpaduan iaitu kepemimpinan, jatidiri kebangsaan dan penguasaan bahasa. Bagi atribut kemahiran memimpin, PPPM-PT menyatakan bahawa pemimpin pelajar mestilah seorang, “komunikator yang berkesan, cerdas emosi dan mampu berinteraksi merentas budaya; bertanggungjawab, berdaya saing, cekal dan yakin (KPT, 2015; 9). Bagi atribut identiti nasional pula, pelajar pendidikan tinggi mestilah, “mempunyai jatidiri kebangsaan dan memahami aspirasi negara” (KPT, 2015; 9). Pada bahagian atribut kemahiran bahasa, seorang pelajar pendidikan tinggi mestilah mahir di dalam Bahasa Melayu dan Inggeris serta mempunyai keinginan untuk mempelajari satu bahasa global tambahan. Jika diperhatikan, aspek-aspek seperti (i) mampu berinteraksi merentas budaya, (ii) mempunyai jatidiri kebangsaan, (iii) memahami aspirasi negara, dan (iv) mahir di dalam Bahasa Melayu berkait rapat dengan realiti masyarakat pelbagai etnik di Malaysia yang sangat memerlukan persefahaman dan juga perpaduan. Pengkaji melihat aspek-aspek ini sebagai salah satu galakan kepada dialog antara etnik yang aktif memandangkan pelajar pendidikan tinggi (i) mempunyai peluang untuk berinteraksi dengan pelajar-pelajar pelbagai etnik di dalam dan luar kelas, (ii) telah terdedah dengan asas-asas hubungan sosial yang baik melalui pengenalan subjek MPU seperti Hubungan Etnik dan Tamadun Islam dan Tamadun Asia, (iii) semangat patriotisme yang tinggi akan mewujudkan satu identiti kebersamaan di sebalik perbezaan, (iv) penggunaan Bahasa Melayu iaitu bahasa kebangsaan sebagai alat atau medium penyatuan pelajar pelbagai etnik, dan (v) pelajar pendidikan tinggi bakal menjadi pemimpin negara serta mampu melakukan perubahan.

Terdapat kajian-kajian lepas yang turut mengkaji polisi pendidikan di institusi pengajian tinggi yang berkaitan dengan etnik. Hazri Jamil dan Santhiram (2012) mengkaji mengenai persepsi, hujah dan pendapat profesional yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam proses merangka polisi pendidikan serta pelaksanaannya. Mereka mendapati bahawa terdapat aspirasi yang berbeza di antara orang Melayu dan bukan Melayu berkaitan dengan integrasi nasional seperti aspirasi dan persepsi berkaitan dengan hak di dalam pendidikan, bahasa penyatuan dan peluang di dalam sosio ekonomi yang berkait rapat dengan pendidikan di Malaysia. Integrasi dilihat berkait rapat dengan polisi yang bersifat demokratik dan adil kepada semua kumpulan etnik dan bukannya memberi keutamaan kepada satu etnik sahaja yang mendapat manfaat dan peluang daripada kedudukan istimewa mereka (Hazri dan Santhiram, 2012).

Kajian Santhiram dan Tan Yao Sua (2010) menyatakan bahawa kewujudan pemisahan etnik di dalam sistem pendidikan disumbangkan oleh dua faktor iaitu pilihan enrolmen dan dasar campur tangan kerajaan. Kewujudan institusi pengajian swasta merupakan satu usaha untuk menarik pelajar-pelajar yang tidak layak memasuki universiti awam disebabkan oleh isu diskriminasi dan beban kewangan. Walau bagaimanapun, masih timbul isu berkaitan etnik apabila tidak ada keseimbangan antara pelajar Melayu (Bumiputera) dan bukan Melayu (Cina) yang mendaftar di institusi pengajian tinggi swasta (Santhiram dan Tan Yao Sua, 2010). Perkara ini dilihat sebagai tidak membantu aspek perpaduan etnik. Faktor kedua iaitu dasar campurtangan kerajaan dalam mengurangkan jarak sosio ekonomi antara orang Melayu dan bukan Melayu, terutamanya etnik Cina (Santhiram dan Tan Yao Sua, 2010). Polisi ini telah menyebabkan perbezaan aliran pendidikan oleh masyarakat pelbagai etnik di Malaysia khususnya di dalam sistem pendidikan. Polisi ini jelas menguntungkan orang Melayu tetapi dalam masa yang sama telah menimbulkan kekecewaan di kalangan pelajar bukan Melayu yang menganggap diri mereka tidak mempunyai hak serta disisihkan daripada akses atau peluang pendidikan. Selain itu, pemberian bantuan pendidikan khususnya biasiswa atau pinjaman untuk melanjutkan pelajaran juga diberikan atas faktor etnik tanpa mengambilkira status sosio-ekonomi seperti yang diberikan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan terutama sekali Majlis Amanah Rakyat (MARA) (Mohamad Zaini: 2014).

Kajian Isu-Isu Hubungan Sosial/ Hubungan Etnik di Institusi Pengajian Tinggi

Terdapat isu-isu seperti sistem kuota dan meritokrasi, polarisasi etnik serta matapelajaran yang berat sebelah di institusi pengajian tinggi awam (Hazri dan Santhiram, 2012). Hazri dan Santhiram (2012; 24) menyatakan bahawa polarisasi etnik masih lagi wujud kerana sistem pendidikan “...does not promote real understanding between different ethnic groups in the society, beyond mere acceptance and tolerance. This is in part due to the fact that educational policies have not effectively encouraged meaningful interaction among students from the different communities.” Melalui sistem kuota, kerajaan telah menetapkan peratusan kemasukan pelajar ke universiti iaitu 55% untuk etnik Melayu, 35% untuk etnik Cina manakala baki 10% diberikan kepada etnik India. Menyedari bahawa sistem ini mempunyai banyak kelemahan, kerajaan telah memperkenalkan sistem meritokrasi pada tahun 2002/2003. Akan tetapi, didapati bahawa etnik-etnik lain masih lagi merasa terpinggir. Selain itu, institusi pengajian tinggi awam juga dilihat kurang berjaya dalam menyelesaikan masalah polarisasi etnik, yang mungkin juga disebabkan oleh sistem kuota atau meritokrasi tersebut.

Selain itu, terdapat juga kritikan terhadap matapelajaran yang dilihat sebagai berat sebelah (Hazri dan Santhiram, 2012). Mereka mencadangkan agar integrasi bukan sekadar penerimaan dan toleransi tetapi mesti dikaitkan dengan diskusi berkaitan kesepaduan nasional serta polisi yang berorientasikan demokratik dan adil, yang mampu menjamin semua warganegara Malaysia di dalam aspek pendidikan, budaya, ekonomi dan politik. Ahamad et.al (t.t) di dalam kajiannya menyatakan terdapat kritikan terhadap pengajian sejarah Malaysia yang menurut mereka ditulis dari sudut pandang orang Melayu sahaja serta meminggirkan peranan etnik lain di dalam perkembangan sejarah negara. Kurikulum sejarah bersifat “*Malay centric*” seolah-olah ianya ialah sejarah orang Melayu dan bukannya sejarah Malaysia (Ahamad et.al, t.t). Menurut Shamsul (2014), sejarah yang diajar hanyalah berkenaan “sejarah pihak yang menang dan kalah, yang wira dan yang jahat”. Pendekatan sebegini dianggap eksklusif kerana tidak mengambil kira hal yang membentuk sejarah sesebuah masyarakat dan negara

(Shamsul, 2014; Ahamad et.al, t.t). Shamsul dan Anis (2014) mencadangkan agar diadakan satu model sejarah yang dinamakan “sejarah untuk semua” yang menunjukkan bahawa tiada sesiapa dalam masyarakat harus tertinggal dalam naratif sejarah negaranya. “Hal ini sangat penting bagi menunjukkan bahawa keadilan bukan hanya dari segi agihan ekonomi, tetapi juga cara sejarah diceritakan dan ditulis” (Shamsul dan Anis, 2014; 42).

Beberapa kajian lepas turut dikenalpasti mengkaji hubungan sosial dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. Kajian yang dijalankan oleh Ramlee et.al (2009) adalah mengenai pemerhatian terhadap interaksi sosial dalam kalangan pelajar daripada pelbagai latar di beberapa universiti swasta dan tempatan. Beliau menyatakan bahawa terdapat andaian bahawa polarisasi etnik menjadi semakin serius terutama sekali di kalangan generasi muda. Kajian Astin (1993), Chang (1999) dan Gurin et.al (2002) (di dalam Ramlee et.al, 2009) berkenaan dengan komuniti mahasiswa menunjukkan bahawa di universiti, kewujudan pelbagai etnik telah mencipta pengalaman pembelajaran yang mampu menggalakkan pelajar untuk belajar dan menyediakan mereka untuk menyertai masyarakat yang lebih besar dan pelbagai ragamnya. Kajian Rusimah (2004) adalah berkenaan dengan hubungan etnik di kalangan pelajar Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia yang berobjektifkan mengenalpasti suasana atau iklim interaksi antara etnik, tahap keselesaan, kecenderungan persepsi di kalangan pelajar serta kaitan antara ketiga-tiga faktor tersebut dalam menjalin hubungan antara kaum. Hamidah et.al (2001) pula membuat kajian tinjauan perhubungan etnik pelajar-pelajar tahun pertama di Universiti Teknologi Malaysia yang berobjektifkan untuk menilai tahap hubungan sosial serta tahap patriotisme pelajar di universiti berkenaan. Kajian Nazri dan Mansor (2014) yang bertajuk “*Ethnic tolerance among students of public higher learning institutions in Malaysia*” adalah berobjektifkan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap perbezaan etnik, keselesaan terhadap perbezaan etnik, penerimaan terhadap perbezaan etnik, perkongsian perbezaan etnik dan perasaan bangga terhadap perbezaan etnik.

Ibrahim (1980) (di dalam Razli Ahmad et.al, 2013) membangkitkan mengenai soal penghayatan identiti nasional dalam kalangan mahasiswa pelbagai etnik di institusi pengajian tinggi. Menurutnya, kebanyakan pelajar bukan Melayu kurang mempunyai sikap positif terhadap proses pembinaan bangsa. Pelajar Melayu pula dilihat masih mempunyai sikap negatif terhadap bangsa atau elemen-elemen kebangsaan apabila menyifatkan Hari Kebangsaan adalah hari cuti umum semata-mata. Sivamurugan (2010) (di dalam Razli Ahmad, 2013) melontarkan persoalan sama ada generasi muda khususnya mahasiswa mampu menggalas tanggungjawab terhadap negara kerana mereka dilihat masih terikat dalam pelbagai segmentasi yang sengaja dibuat atau memang benar wujud.

Kajian Mohd Rizal dan Thay Cheow Yin (2012) melihat kewujudan satu lagi elemen yang mewujudkan polarisasi mahasiswa di universiti iaitu cabaran yang datangnya daripada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Menurut mereka, AUKU dilihat sebagai penghalang kepada pertumbuhan kematangan fikiran dan kesedaran pelajar tentang tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara (Mohd.Rizal dan Thay Cheow Yin, 2012). Disebabkan oleh Akta ini, pelajar hilang kebebasan bersuara dan berpersatuan bagi melanjutkan perjuangan kebajikan dan solidariti pelajar. Ianya dilihat sebagai satu faktor yang mendorong polarisasi kaum kerana memaksa pelajar untuk memberikan perhatian terhadap isu-isu dalaman universiti yang kurang penting. “Akhirnya mereka bercakara sama sendiri sedangkan tugas mereka sebenar sebagai bakal golongan cerdik pandai di negara ini yang seharusnya mempunyai visi yang luas, pemikiran yang mendalam, dan perlibatan kepada masyarakat tidak bisa dicapai dan dipelajari” (Mohd. Rizal dan Thay Cheow Yin, 2012).

Kajian Pelaksanaan Dialog di Institusi Pengajian Tinggi

Nor Azmi (2014) membuat kajian mengenai tahap kefahaman dialog antara agama di kalangan pelajar Muslim dan bukan Muslim di Universiti Tenaga Nasional. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa sebahagian besar responden mempunyai asas berkenaan dengan dialog antara agama. Didapati bahawa kefahaman yang baik terhadap dialog antara agama telah menyumbang kepada hubungan sosial yang baik antara responden Muslim dan bukan Muslim. Antara faktor penyumbang kepada kefahaman asas dialog antara agama ialah (i) matapelajaran yang diambil semasa belajar di universiti iaitu Pengajian

Islam bagi pelajar Muslim dan Pendidikan Moral bagi pelajar bukan Muslim, (ii) asas pendidikan seperti Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia serta Diploma di mana kedua-dua tahap pendidikan ini telah mendedahkan pelajar kepada kefahaman dialog antara agama, (iii) tugas yang mendedahkan pelajar kepada dialog antara agama, serta (iv) polisi universiti (Nor Azmi, 2014).

Kajian Khairulnizam dan Suzy Aziziyana Saili (2011) adalah berkaitan dengan dialog antara agama dan prospeknya di dalam pendidikan di Malaysia. Menurut kajian ini, isu-isu antara agama seperti pelaksanaan Dasar Islamisasi, pelaksanaan undang-undang Syariah, larangan menggunakan kalimah di dalam al-Quran oleh penerbitan bukan Islam, peruntukan rumah ibadat, hak penyiaran bagi agama selain Islam, dan pengenalan subjek-subjek yang mempunyai unsur agama Islam kepada murid-murid bukan Islam di sekolah boleh ditangani melalui dialog antara agama. Dialog antara agama ini haruslah dijadikan sebahagian daripada kurikulum pendidikan (Khairulnizam dan Suzy Aziziyana Saili, 2011). Pada tahun 2011, matapelajaran Pengajian Islam dan Pendidikan Moral masih lagi menjadi Matapelajaran Wajib (MPW) bagi institusi pengajian tinggi swasta sebelum pelaksanaan Matapelajaran Umum diperkenalkan pada tahun 2013. Berdasarkan pemerhatian pengkaji (Khairulnizam & Suzy Aziziyana Saili, 2011), buku teks bagi kedua-dua subjek ini tidak membincangkan tentang asas-asas dialog antara agama walaupun telah wujud keperluan pada masa tersebut. Ini ditambah lagi dengan isu penggunaan kalimah Allah oleh penganut agama Kristian yang menimbulkan keresahan masyarakat serta berpotensi menjadi konflik agama sementelahan di Malaysia ini semua konflik etnik akhirnya dilihat sebagai konflik antara agama.

Azmi Shah Suratman dan Azrinah Abdul Rahah (t.t) pula mengkaji tentang persepsi pelajar terhadap dialog antara agama dalam kalangan mahasiswa tahun empat di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Menurut pengkaji, tahap kesedaran dalam kalangan pelajar terhadap sikap toleransi beragama masih berada di tahap yang rendah apabila dilihat dari sudut kehidupan mereka di universiti. Pelajar masih cenderung untuk bergaul dan bersahabat dengan kalangan yang sebangsa dan seagama sahaja (Azmi Shah dan Azrinah). Objektif kajian mereka, seperti yang dinyatakan ialah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar terhadap dialog antara agama, mengenalpasti tahap kefahaman pelajar terhadap isu dialog antara agama, serta mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong keterlibatan pelajar di dalam dialog antara agama.

Satu kajian berkenaan dengan tahap dialog peradaban telah dilaksanakan oleh sekumpulan penyelidik di Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 2007. Kajian ini bertajuk “Tahap Dialog Peradaban: Kajian di Kalangan Pelajar Tahun Tiga Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor” (Azmi Shah et.al; 2007). Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu mengenalpasti tahap budaya interaksi dan dialog peradaban di kalangan pelajar, mengenalpasti tahap amalan nilai kejujuran dan nilai prihatin dalam dialog peradaban di kalangan pelajar, dan mengenalpasti tahap toleransi semasa berinteraksi di kalangan pelajar.

Kajian Faktor Peningkatan Hubungan Sosial / Pengurangan Konflik

Dasar terbuka kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi swasta

Dalam usaha merencanakan agenda pendidikan, kerajaan telah membenarkan penubuhan institusi-institusi pengajian tinggi swasta. Usaha ini selaras dengan Dasar Penswastaan yang diperkenalkan pada tahun 1983, berikutan keadaan negara-negara di Asia yang terkesan dengan kemelesetan ekonomi (Ahmed Mohamed, 2008). Walaupun krisis ekonomi Asia mempunyai kesan negatif terhadap peluang serta pendapatan isi rumah serta menambah lagi jurang pendidikan antara masyarakat, tetapi dalam masa yang sama, ianya dilihat sebagai memberi laluan kepada sesetengah kelas masyarakat untuk mendapatkan pendidikan (Ahmed Mohamed, 2009).

Krisis ekonomi Asia dilihat telah membantu perkembangan institusi pengajian tinggi swasta dan universiti-universiti swasta (Ahmed Mohamed, 2009). Ahmed Mohamed (2009) di dalam distertasinya yang bertajuk “*Higher Education and Politics in Malaysia*” telah mengkategorikan universiti di Malaysia kepada tiga kategori iaitu (a) universiti awam : universiti dimiliki dan didanai kerajaan seperti

Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (b) universiti swasta tempatan: dimiliki dan ditubuhkan oleh warga tempatan atau badan-badan berkaitan kerajaan seperti Universiti Multimedia, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Tunku Abdul Rahman, dan (c) universiti swasta: universiti asing yang membuka cawangan di Malaysia seperti Monash University, University of Southampton Malaysia dan University of Nottingham Malaysia.

Dasar terbuka bagi kemasukan ke universiti swasta adalah berbeza dengan universiti awam dimana sistem meritokrasi tidak diamalkan. Dalam hal ini, universiti swasta tidak meletakkan had atau peratusan kemasukan untuk pelajar Melayu, Cina mahupun India asalkan ianya bersesuaian dengan kapasiti premis bagi memastikan suasana pembelajaran yang kondusif (KPT, 2017). Menurut Buku FAQ Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, sistem pengambilan pelajar ditentukan oleh IPTS sendiri berdasarkan syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar (KPT, 2017). Oleh sebab itu, dapatlah dikatakan bahawa dasar terbuka pada satu sudut memberi peluang kepada lebih ramai pelajar untuk mendapat pendidikan tinggi dan di satu sudut lagi, menggalakkan pelajar berinteraksi, berkerjasama dan berdialog dengan pelajar-pelajar berlainan etnik di dalam dan luar bilik darjah.

Penawaran subjek-subjek Matapelajaran Umum di institusi pengajian tinggi swasta yang mempunyai elemen meningkatkan hubungan sosial

Bermula Semester Pertama 2013/2014, semua institusi pengajian tinggi swasta menawarkan subjek Hubungan Etnik (MPU 3113) dan Tamadun Islam dan tamadun Asia (MPU 3123) yang dahulunya hanya ditawarkan di universiti awam. Matapelajaran Umum (MPU) ini terhasil apabila timbul beberapa persoalan berkenaan matapelajaran wajib yang telah diperkenalkan di IPT antaranya ialah (1) wacana di akhbar membicarakan tentang luntarnya semangat patriotisme dalam kalangan pelajar IPT, dan (2) ketidakseragaman pelajaran matapelajaran kursus wajib antara IPTS dan IPTA (KPT, 2016). Justeru, tujuan MPU diperkenalkan antara lainnya ialah untuk membina Negara Bangsa berdasarkan cita-cita untuk melahirkan siswazah yang berfikiran luas, seimbang dan holistik (KPT, 2016).

Berdasarkan Buku Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum edisi Kedua (KPT, 2016), objektif subjek Hubungan Etnik adalah untuk memberikan kesedaran dan penghayatan dalam mengurus kepelbagaian bagi mengukuhkan negara bangsa. Pelajar turut didedahkan dengan konsep asas, latar belakang dan realiti sosial masa kini hubungan etnik di Malaysia dari perspektif kesepaduan sosial (KPT, 2016). Objektif pengenalan subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia adalah untuk memberi kefahaman kepada pelajar tentang elemen ketamadunan dan implikasinya terhadap proses pembangunan Malaysia (KPT, 2016). Bolehlah dikatakan bahawa pelajar-pelajar telah didedahkan dengan asas pengetahuan yang baik berkenaan dengan realiti hubungan etnik dan cara-cara untuk meningkatkan hubungan sosial melalui kedua-dua subjek ini.

Masalah Kajian

Cabaran dan halangan perpaduan di dalam pendidikan negara

Perpaduan menjadi fokus utama di dalam pendidikan negara. Oleh yang demikian, dasar-dasar pendidikan yang digubal bermula sejak kemerdekaan, dan terutama selepas peristiwa rusuhan 13 Mei 1969 memfokuskan aspek perpaduan bermula dari sekolah rendah lagi. Ini dapat dilihat melalui Penyata Razak (Abdul Rahman, 2009), Penyata Rahman Talib (Abdul Rahman, 2009) dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Usaha perpaduan juga diteruskan di peringkat yang lebih tinggi lagi iaitu di universiti-universiti awam dan swasta yang dapat dilihat melalui pengenalan subjek-subjek seperti Hubungan Etnik, Tamadun Islam dan Tamadun Asia, dan Pengajian Malaysia. Subjek Hubungan Etnik dan Tamadun Islam dan Tamadun Asia mula ditawarkan di universiti swasta bermula bulan September 2013. Di sebalik usaha ini, pengkaji-pengkaji lepas seperti Ramlee et.al (2009), Rusimah (2004), Hamidah et.al (2001) dan Mansor (2001, di dalam Rusimah, 2004) berpendapat bahawa hubungan sosial di antara pelajar pelbagai etnik di institusi pengajian tinggi masih lagi terlalu rendah.

Pendidikan sepatutnya berjaya menyatukan pelajar atau mencipta perpaduan. Tetapi realiti yang berlaku adalah sebaliknya iaitu masih lagi timbul isu-isu berkaitan dengan konflik antara etnik. Pada peringkat universiti, masalah-masalah yang melibatkan hubungan etnik dapat dilihat dengan wujudnya polarisasi kaum (Sanusi, 1989, di dalam Rusimah 2004), isu kuota ke universiti awam (Mohd. Zaini, 2014), kurangnya kefahaman dan penerimaan terhadap etnik lain (Sanusi, 1989 di dalam Rusimah 2004), matapelajaran yang berat sebelah yang meminggirkan sumbangan dan peranan etnik bukan Melayu (Ahmad et.al, t.t) serta isu politik negara yang memberi impak kepada mahasiswa berlainan etnik di dalam universiti (Sanusi, 1989 di dalam Rusimah 2004). Sanusi (1989) (di dalam Arfah et.al, 2016) di dalam kajiannya menyatakan bahawa antara faktor penyebab berlakunya polarisasi kaum di universiti awam termasuklah tahap interaksi yang rendah dalam kalangan pelajar pelbagai etnik, kecenderungan untuk memilih rakan dari etnik yang sama, wujudnya sikap prejudis, stereotaip dan etnosentrisme, serta aktiviti pelajar yang mengikut garis etnik dan bukannya merentas garis etnik. Prasangka dan stereotaip yang kuat serta tahap etnosentrisme yang tinggi adalah antara faktor penyumbang kepada kurangnya kefahaman dan penerimaan terhadap etnik lain (Sanusi, 1989 di dalam Rusimah, 2004). Selain itu, matapelajaran yang kurang konsisten, terutama sekali bagi subjek sejarah, menyebabkan etnik lain merasa sumbangan dan peranan mereka dalam pembangunan negara dipinggirkan (Ahmad et.al, t.t). Kajian Sanusi (1989) di dalam Rusimah (2004), turut menyatakan bahawa kurangnya perbincangan secara terbuka dan serius di kalangan pelajar pelbagai etnik mengenai soal politik, ekonomi dan sosial negara.

Ketiadaan dialog dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi

Melihat realiti semasa, didapati bahawa ketiadaan pelaksanaan dialog antara etnik telah menyebabkan rendahnya hubungan sosial dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi sama ada swasta mahupun awam. Beberapa penyelidik seperti Ramlee et.al (2009), Shamsul Amri (2012), Khairulnizam (2014) dan Nor Azmi (2014) mencadangkan agar dialog di antara etnik dijalankan di peringkat universiti sebagai langkah menggalakkan perhubungan sosial yang baik dalam kalangan pelajar berlainan etnik. Walau bagaimanapun, konsep dialog antara etnik ini belum wujud secara berstruktur dan tidak disentuh secara jelas oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Jika diteliti, konsep ini secara prinsipnya telah wujud di dalam dasar pendidikan tinggi dan juga falsafah pendidikan negara yang menekankan perpaduan antara kaum (atau etnik). Oleh itu, pengkaji melihat kepada keperluan untuk membina konsep dialog antara etnik serta melihat hubungan kait kedua-dua aspek iaitu konsep “dialog” dan konsep “etnik” dalam meningkatkan hubungan sosial pelajar pelbagai etnik di institusi pengajian tinggi. Konsep dialog antara etnik antaranya merangkumi (a) definisi dialog antara etnik, (b) tujuan atau objektif dialog, (c) prinsip dialog, dan (d) panduan atau peraturan dialog. Berdasarkan konsep dialog antara etnik yang telah dinyatakan, pengkaji berpendapat bahawa satu kajian perlu dijalankan di institusi pengajian tinggi untuk meneliti pelaksanaan dan keberkesanan dialog antara etnik di dalam meningkatkan hubungan sosial dalam kalangan pelajar berlainan etnik.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan awal, pengkaji dapat merumuskan bahawa semua jenis universiti, baik awam mahupun swasta, mempunyai tanggungjawab dalam memastikan perpaduan mahupun kesepaduan antara etnik dapat dicapai. Ianya boleh terdiri daripada penawaran subjek-subjek yang berkaitan dengan perhubungan sosial ataupun perpaduan (khususnya Hubungan Etnik, Tamadun Islam dan Tamadun Asia, serta Pengajian Malaysia), polisi institusi (sistem terbuka pengambilan pelajar bagi universiti swasta dan meritokrasi bagi universiti awam), pentadbiran dalaman universiti, pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas serta aktiviti-aktiviti yang menggalakkan hubungan sosial yang aktif seperti aktiviti pelajar yang merentasi garis etnik.

Selain itu, satu platform penting perlu diwujudkan untuk memastikan hubungan sosial etnik akan berlangsung dengan aktif, berterusan serta mampu menyediakan penyelesaian bagi setiap konflik etnik. Ini adalah kerana, melalui kajian-kajian lepas berkenaan dengan hubungan sosial pelajar institusi pengajian tinggi awam, didapati bahawa ianya adalah pada tahap sederhana dan polarisasi masih

berlaku. Aspek-aspek harian termasuk kecenderungan memilih kawan dari etnik yang sama, enggan sebilik dengan pelajar berlainan etnik, tahap keselesaan terhadap etnik lain, stereotaip yang kuat, etnosentrisme yang menghalang perhubungan, kesedaran sosial dan banyak lagi dikenalpasti berpotensi menghalang hubungan sosial yang baik.

Didapati bahawa belum ada kajian berkenaan konsep dialog etnik apatah lagi untuk menjadikannya sebagai platform yang dapat meningkatkan hubungan sosial pelajar. Antara dialog yang dikenalpasti telah wujud di Malaysia ialah dialog antara agama, dialog antara tamadun dan dialog seharian. Dialog etnik perlu dimulakan pada peringkat pendidikan tinggi, dengan menganggap mahasiswa telah mempunyai cukup pengetahuan dalam aspek asas hubungan etnik dan ketamadunan, dan juga atas andaian mereka bakal menjadi pemimpin negara sekaligus menjadi agen perubahan terhadap hubungan sosial masyarakat Malaysia yang pelbagai latarbelakang secara umumnya.

Cadangan

Pengkaji melihat perlunya satu kajian menyeluruh diadakan agar konsep dialog antara etnik dalam konteks Malaysia dapat dibangunkan. Kepentingan dialog dalam menyelesaikan pelbagai masalah berkaitan telah dibincangkan sebelum ini. Melalui kajian tersebut juga, satu platform hubungan sosial yang lebih berkesan yang memfokuskan pelajar-pelajar sebagai ejen perubahan dan juga bakal pemimpin negara khususnya berkaitan dengan perhubungan etnik dapat dibangunkan. Sebagai contoh, salah satu matlamat pengenalan subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia di peringkat institusi pengajian tinggi ialah untuk menyemai dan memupuk persefahaman tulen dan sikap saling menghormati dalam kalangan rakyat yang pelbagai latarbelakang di negara ini, khususnya generasi muda yang bakal memimpin negara.

Sebagai cadangan, kajian pada masa mungkin boleh membangunkan konsep dialog antara etnik dengan lebih jelas dan berstruktur lagi. Selain itu, memandangkan fokus kertas kerja ini adalah pelajar institusi pengajian tinggi, maka dirasakan perlunya dikaji juga peranan institusi pengajian tinggi swasta dalam pembinaan hubungan sosial kalangan pelajar berlainan etnik. Untuk mengetahui hubungan sosial pelajar juga, maka dimensi hubungan sosial yang meliputi akomodasi, akulturasi, asimilasi dan amalgamasi mesti diukur serta dianalisa bagi melihat apakah faktor-faktor yang mempengaruhi hubungan tersebut. Ini kerana, berdasarkan kajian-kajian lepas, hubungan mahasiswa di institusi pengajian tinggi awam masih berada pada tahap sederhana tetapi tiada kajian dilakukan bagi menganalisa faktor penyebab atau yang mempengaruhi hubungan tersebut.

Rujukan

- Abdul Rahman Arshad. (2009). *Unity and Education in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahamad Rahim et.al. (t.t). *Kurikulum Sejarah ke Arah Pembentukan Perpaduan Kaum di Malaysia*. (t.t.p). http://www.mara.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=9608d3d5-544d-4bd1-83e0-e0. Dimuat turun pada 10 April 2016.
- Ahmed Mohamed Nabawy Hassab El-Naby. (2008). *Higher Education and Politics in Malaysia* (Disertasi Doktor Falsafah). Jepun: University of Tsukuba.
- Amin Iskandar. (29 Januari 2008). *Realiti Hubungan Kaum di IPTA*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/columns/68788>. Dimuat turun pada 2 Oktober 2017.
- Arfah Ab.Majid et.al (2016). *Kesan Kerjasama dalam Aktiviti Berkumpulan Terhadap Kualiti Perhubungan Pelajar Berbilang Etnik di Universiti Putra Malaysia*. Vol.3, Bil 1 (Jun 2016). <http://journal.kuis.edu.my/jass/images/files4/4-018-Arfah.pdf>. Dimuat turun pada 24 Ogos 2017.
- Azmi Shah Bin Suratman & Azrinah Binti Abdul Rahah. (2010). *Persepsi Pelajar Terhadap Dialog Antara Agama: Kajian Dalam Kalangan Pelajar Tahun 4, Fakulti Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. <https://core.ac.uk/download/pdf/11785812.pdf> Dimuat turun pada 24 Ogos 2017.

- Azmi Shah Suratman et.al. (2007). Tahap Dialog Peradaban: Kajian Di Kalangan Pelajar Tahun Tiga Universiti Teknologi Malaysia. Skudai: Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia. <http://eprints.utm.my/2835/1/71864.pdf> . Dimuat turun pada 6 Oktober 2017.
- Bahagian Pendaftaran dan Piawaian, JPT. (2017). Buku FAQ Institusi Pengajian Tinggi Swasta. Putrajaya: Penulis.
- Hamidah Ab.Rahman et.al. (2011). Kajian Tinjauan Hubungan Etnik Dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di Kampus Johor Bahru Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Jurnal Teknologi. 54, Januari 2011.
- Hazri Jamil & Santhiram R. Raman. (2012). Malaysian Education Policy for National Integration: Contested Terrain of Multiple Aspirations in a Multicultural Nation. *Journal of Language and Culture*. Vol: 3(1). Januari 2012.
- Kamus Dwibahasa. (1999). Edisi ke-13. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). <https://www.mohe.gov.my/bm/download/public/penerbitan/pppm-2015-2025-pt/5-malaysia-education-blueprint-2015-2025-higher-education/file>. Dimuat turun pada 29 Ogos 2017.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2016). Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU). Edisi Kedua. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Khairulnizam Mat Karim, Khadijah Mohd Khambali & Suzy Aziziyana Sali (2014). Kefahaman Konsep Asas Dialog Antara Agama di Kalangan Ketua Agam Islam dan Kristian di Malaysia dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial, *Global Journal Al-Thaqafah*, Vol.4, Isu 1, Jun 2014.
- Khairulnizam Mat Karim & Suzy Aziziyana Sali (2011) Interfaith Dialogue in Malaysia and Its Prospect in Education. Kertas kerja di bentangkan di *International Conference and Exhibition on Research in Islamic and Arabic Languages*. Awana Porto Malai, Langkawi Kedah.
- Khairulnizam Mat Karim & Suzy Aziziyana Sali. (2009). Dialog antara Agama: Perspektif Islam dan Realiti di Malaysia. Bangi: Pusat Pengajian Islam dan Peradaban, Universiti Tenaga Nasional.
- Mohd. Rizal Mohd. Saad & Thay Cheow Yin. (2012). Tahap Hubungan Etnik: Kajian di Kalangan Pelajar Yang Mengikuti Kursus Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), Sesi Pengajian 2007-2008, Semester 2 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*. Vol: 6, Jun 2012. <https://core.ac.uk/download/pdf/11799900.pdf> Dimuat turun pada 29 Ogos 2017.
- Nazri Muslim & Mansor Mohd.Noor. (2014). Ethnic Tolerance among Students of Public Higher Learning Institutions in Malaysia. *World Applied Sciences Journal*, 29 (3).
- Nor Azmi bin Mohamad. (2014). Kefahaman Asas Dialog antara Agama dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial: Kajian Kes di Kalangan Pelajar Muslim dan Bukan Muslim di Universiti Tenaga Nasional, Muadzam Shah, Pahang. (Disertasi Ijazah Sarjana). Malaysia: Open University Malaysia.
- Noresah Baharom (penyt). (2013). Kamus Dewan (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1988). Falsafah Pendidikan Negara. Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ramlee Mustapha et.al. (2009). A Survey of Social Interaction among Diverse Students in Malaysia Higher Learning Institutions. *International Journal of Learner Diversity*. <http://journalarticle.ukm.my/3411>. Dimuat turun pada 25 April 2016.
- Rappoport, Angelo S. et.al. (1989). Encyclopedia Dictionary of the World. New Delhi: Akashdeep Publishing House.
- Razli Ahmad et.al. (2013). Persepsi Mahasiswa Terhadap Isu-isu Perpaduan: Kajian Kes ke Atas Pelajar-pelajar Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). Jurnal Personalia Pelajar 16. <http://www.ukm.my/personalia/wp-content/uploads/2015/06/Jurnal-Personalia-Pelajar-2-Razli-Ahmad.pdf>. Dimuat turun pada 28 April 2016
- Rusimah Sayuti et.al. (2004). Kajian Hubungan Kaum di Kalangan Pelajar Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia. Dibentangkan di *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004)*. <http://repo.um.edu.my/1833/>. Dimuat turun pada 25 April 2016.

- Santhiram R.Raman & Tan Yao Sua. (2010). Ethnic Segregation in Malaysia's Education System: Enrolment Choices, Preferential Policies and Desegregation. *Paedagogica Historica*. Vol.46, No.1-2.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). Kesepaduan dalam Kepelbagaian: Perpaduan di Malaysia Sebagai *Work-in- Progress*. Siri Syarahan Kepimpinan Profesor Ulung. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin & Anis Yusal Yusoff. (2014). Perpaduan, Kesepaduan, Penyatupaduan: Satu Negara, Satu Kata Akar, Tiga Konsep Keramat. Kuala Lumpur: Institusi Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Wan Hashim Wan Teh. (2011). Hubungan Etnik di Malaysia. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.